

11/05/2000

Nor Mohamed dilantik Penasihat Khas kewangan kepada PM

Azli Ayob

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melantik Penasihat Bank Negara Malaysia, Datuk Nor Mohamed Yakcop, sebagai Penasihat Khas kepada Perdana Menteri bagi hal ehwal kewangan.

Menurut kenyataan pejabat Perdana Menteri hari ini, Nor Mohamed akan memainkan peranan penasihat terutamanya dalam urusan tugas Jawatankuasa Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

Beliau juga dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Eksekutif MTEN dan kedua-dua pelantikan itu berkuat kuasa mulai 15 Mei ini.

Sementara itu, Kementerian Kewangan dalam satu kenyataan berasingan mengumumkan pelantikan Ketua Eksekutif Bumiputra-Commerce Bank Bhd, Datuk Md Nor Md Yusof, sebagai penasihat kepada kementerian itu untuk tempoh enam bulan bermula Isnin lalu.

"Mohd Nor dipinjamkan secara sementara dari Bumiputra-Commerce Bank untuk membantu kerajaan dalam pelbagai perkara berkaitan dengan Kementerian Kewangan," kata kenyataan itu.

Kementerian itu juga mengumumkan pelantikan Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia, Datuk Huang Sin Cheng dan Pengarah Eksekutif Malayan Banking Bhd (Maybank), Datuk Mohd Salleh Harun sebagai Timbalan Gabenor bank pusat itu berkuat kuasa 16 Mei ini.

Ini adalah kali pertama dua pegawai dilantik sebagai Timbalan Gabenor.

Huang mula berkhidmat dengan bank pusat pada 1967 manakala Mohd Salleh menyertai kumpulan Maybank menerusi Aseambankers pada 1979.

Mohd Salleh adalah fellow Institut Akauntan Bertauliah dan juga ahli Akauntan Awam Bertauliah.

Sementara itu, Nor Mohamed memberitahu Bernama antara bidang kritikal yang akan menjadi tumpuan beliau dalam jawatan barunya itu ialah menyediakan asas ke arah ekonomi berasaskan ilmu (k-ekonomi).

"Saya juga akan memberi tumpuan untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara, khususnya dalam bidang ekonomi baru di samping mewujudkan masyarakat perdagangan Bumiputera," katanya.

Nor Mohamed, 52, adalah pengasas perbankan Islam di negara ini dan juga bertanggungjawab menyediakan laporan yang membawa kepada penubuhan Suruhanjaya Sekuriti.

"Saya juga akan memberi tumpuan untuk memantapkan sektor perbankan dan kewangan Islam," katanya.

Nor Mohamed menyifatkan pelantikannya itu sebagai yang paling berharga baginya dalam kariernya yang menjangkau kira-kira 30 tahun dalam bidang perbankan dan kewangan.

"Saya amat terharu dengan kepercayaan dan keyakinan yang diberikan oleh Perdana Menteri dan saya berjanji akan memberi sepenuh tenaga dan fikiran saya untuk membantu beliau dalam urusan kewangan negara," katanya.

Beliau berkata era globalisasi yang semakin mencabar menuntut rakyat Malaysia mempersiapkan diri dan meningkatkan daya ketahanan negara bagi menghadapi masa depan yang semakin kompleks, dengan bidang kewangan sebagai satu komponen utamanya.

"Objektif utama kita ialah untuk mengekalkan Malaysia sebagai negara yang bermaruah, bebas dan merdeka serta boleh membuat keputusan sendiri tanpa dipengaruhi mana-mana pihak, dan mempunyai jati diri yang kukuh."

Nor Mohamed berkata, menerusi pelantikannya itu, beliau berazam untuk menyumbang ke arah mencapai wawasan Perdana Menteri menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

( END )